

"Engineering Invention & Innovation Exhibition" ENVEX 2010

Oleh ; Fazlina Md. Fadzil

2-4 April 2010, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan Pusat-Pusat Pengajian UniMAP telah menganjurkan pertandingan "Engineering Invention & Innovation Exhibition" bertempat di Dewan Khoo Aik, Kangar, Perlis. Ini merupakan penganjuran buat kali kedua bagi program berlandaskan penyelidikan dan inovasi dan ianya mendapatkan sambutan yang amat menggalakkan dari IPT Zon Utara. Penyertaan adalah dari kalangan peserta yang mewakili IPTA Zon Utara iaitu USM, UiTM Perak, UiTM Kedah, Universiti yang menjadi ahli Majlis Teknikal Universiti-universiti Malaysia (MTUN) iaitu UTeM, UTHM dan UMP, Politeknik-Politeknik Zon Utara dan universiti-universiti yang menjadi ahli IMT-GT.

Antara objektif program ini iaitu membantu merealisasikan impian menjana generasi muda yang mampu mengaplikasikan ilmu pengetahuan kepada bidang penyelidikan dan seterusnya membantu melahirkan generasi muda yang berfikiran kreatif dan inovatif. Malahan menerusi penganjuran program seperti ini dapat membuktikan bahawa bidang penyelidikan bukan hanya diterokai oleh para pensyarah malah ingin diserapkan semangatnya kepada para pelajar.

Sebanyak 151 produk yang dipertandingkan di mana bagi kategori terbuka berjumlah 50 produk dan selebihnya 101 produk pula bagi kategori tertutup. Pertandingan ENVEX 2010 terbahagi kepada 5 kategori utama iaitu :

Kategori A : *Mechanics - Machinery - Tools - Industrial Design - Manufacturing Processes*

Kategori B : *Electronic - Electricity - Computer Science - Video - Telecommunications*

Kategori C : *Building - Civil Engineering Construction - Materials*

Kategori D : *Environment - Energy - Water -*

Agriculture

Kategori E : *Biotechnology - Renewable Energy*

Penganjuran ENVEX pada kali ini amat bertuah dirasakan oleh pihak penganjur kerana beberapa syarikat dan pihak industri turut tampil memberi kerjasama dalam menaja hadiah bagi beberapa kategori yang dipertandingkan. Antara pihak industri, syarikat dan badan kerajaan yang menaja adalah HOLCIM (Malaysia) Sdn. Bhd., Rass d'SIGN & Event Sdn. Bhd., Bintong Construction Sdn. Bhd., Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA), Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd., Budi Cempaka Enterprise, Mc Graw Hill, Shadent Enterprise dan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi Malaysia (MOSTI). Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak-pihak penaja atas sumbangan yang dihulurkan bagi menjayakan pertandingan ini.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi, YB Tuan Haji Fadillah Yusof. Menurut beliau, UniMAP seharusnya menjadi pelopor dan peneraju di peringkat Zon Utara bagi merencana dan menganjurkan aktiviti reka cipta dan inovasi berdasarkan keupayaan dan pencapaian Universiti ini di peringkat tempatan dan antarabangsa.

YB Fadillah seterusnya menyarankan agar aktiviti reka cipta dan inovasi itu dimulakan dengan produk-produk kitar semula dan setiap pelajar juga harus diterapkan ilmu pengetahuan secara informal untuk proses inovasi. Malahan beliau menyarankan agar setiap produk reka cipta dan inovasi yang dihasilkan oleh rakyat Negara ini tidak seharusnya menjadi bahan kajian semata-mata sebaliknya perlu dipatenkan dan dikomersialkan.

Atas keyakinan dan kesungguhan Saudari Chong Yee Ling dan Saudara Phua Jin Luen akhirnya mencipta kejayaan yang cemerlang apabila produk yang dihasilkan oleh mereka iaitu "Tydust: Tyre Dust As A Conductive Polymer For Firecracker Odor Detector" telah berjaya merangkul Anugerah Utama MOSTI di mana mereka membawa pulang sebuah plak khas MOSTI, wang tunai RM 2,500.00 dan sijil penyertaan. Berikut disertakan statistik pingat yang berjaya dimenangi oleh peserta :

Pungutan Pingat Bagi Kategori Terbuka

UNIVERSITI	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
Universiti Malaysia Perlis	5	3	5	13
Universiti Malaysia Pahang	3	2	3	8
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	2	3	2	7
Universiti Teknologi Petronas	2	3	1	6
Universiti Sains Malaysia	2	-	-	2
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	1	2	1	4
Universiti Teknologi Mara, Perak	-	2	3	5
Institut Teknologi Medan, Indonesia	-	-	-	1
Universiti Teknologi Mara, Kedah	-	1	-	1
POLIMAS	-	-	1	1
JUMLAH	15	17	16	48

Pungutan Pingat Bagi Kategori Tertutup (UniMAP)

PUSAT PENGAJIAN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
PPK Mekatronik	3	8	8	19
PPK Bahan	3	3	5	11
PPK Mikroelektronik	2	6	6	14
PPK Pembuatan	2	5	3	10
PPK Komputer & Perhubungan	2	4	1	7
PPK Bioproses	1	2	4	7
PPK Sistem Elektrik	1	2	2	5
PPK Alam Sekitar	1	1	5	7
JUMLAH	15	31	34	80

Tahniah kepada semua pemenang yang telah berjaya, namun kepada yang kurang berjaya juga diucapkan ribuan terima kasih kerana telah bersungguh-sungguh serta menunjukkan komitmen yang tinggi sepanjang pertandingan ini. Semoga bersua kembali dalam pertandingan International ENVEX 2011.



Senarai Pemenang Mengikut Anugerah Kategori Khas:

Kategori Hadiah	Pemenang & Produk	PENAJA
The Best Presenter Award - UniMAP Category	DC-DC Converter For Fuel Cell Application Chua Kean Yin PPK Sistem Elektrik, UniMAP	Mc Graw Hill
The Best Presenter Award - OPEN Category	Detachable Garment Bag, Attiya Balqist Ashaari Universiti Teknologi MARA, Campus Perak	
ENVEX - Best Booth Award	PPK Alam Sekitar, UniMAP	
ENVEX - Overall Champion UniMAP Category	PPK Mekatronik, UniMAP	
ENVEX - Best Award Category A	Washing Machine : Technology of Washing Process, Design and Cleaning, Chua Hui Min PPK Pembuatan, UniMAP	Rass d' sign & Event Sdn. Bhd.
ENVEX - Best Award Category B	RFID Asset Tracking System for Transportation and Logistic, Hanif Mohammad Mohiddin PPK Komputer & Perhubungan, UniMAP	
ENVEX - Best Award Category C	BioHIMAG : Biofriendly & High Potential Magnesium Sacrificial Anode., Rathinee Balakumar, Pook Ying Nam, PPK Bahan, UniMAP	Bintang Construction Sdn. Bhd.
ENVEX - Best Award Category D	Agriculture Robot for Pest Control and Disease Prevention Application in Chili Fertigation Plantation Muhd Farizuan Muhd Fauzi, Voravit Nai Chian PPK Mekatronik, UniMAP	Budi Cempaka Enterprise
ENVEX - Best Award Category E	Nanogap Biosensor, Arifah Ab. Rahman PPK Mikroelektronik, UniMAP	
TECHNOLOGY PARK MALAYSIA - Special Award	Automated Intelligent Storage Security & Alert System (iSAS2000) Shafizal Hassan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.

Kategori Hadiah	Pemenang & Produk	PENAJA
HOLCIM - Innovative Product Award	PVC With Iron As Slope Reinforcement, Siti Mustakimah Arshad, Nur Hafizah Sutris, Noor Hafiza Nordin, Nurul Idayu Abd Aziz, Kee Chuang Wen, Shahrul Azhar Adnan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	HOLCIM (Malaysia) Sdn. Bhd.
HOLCIM - Creative Product Award	Ping Pong Server, Naimzudin Mohd Tajudin Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan, UniMAP	HOLCIM (Malaysia) Sdn. Bhd.
HOLCIM - High Performance Award	Green Polymeric MIRHA Concrete, Andri Kusbiantoro, Sobia Qazi, Universiti Teknologi Petronas (UTP)	
CIMA - High Potential Award	Biodegradable Film From Paddy Straw Muhd Lokman Muhd Ramdan, Kua Lay Chim	Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)
CIMA - Best New Technology Award	PVC With Iron As Slope Reinforcement, Siti Mustakimah Arshad, Nur Hafizah Sutris, Noor Hafiza Nordin, Nurul Idayu Abd Aziz, Kee Chuang Wen, Shahrul Azhar Adnan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)
Vice Chancellor Award	Development on Green Energy Process Mohd Nadhir Ab Wahab & Mohd Aminurrahim Dthman, Universiti Malaysia Perlis	
HOLCIM - Best Product Award	Rubberized Mat For Earth Retaining Structure Yohanes Saimi, Universiti Sains Malaysia (USM)	HOLCIM (Malaysia) Sdn. Bhd.
ENVEX - Best Of The Best Award	Automated Screening System For Leukimia Seow Poh Choo, Universiti Malaysia Perlis	
CIMA - Engineering Excellence Award	The Development Of Fungus SP: <i>Psychosporous Senguinis</i> To Enhance The Performance Of Artificial Bait For <i>Attacletermis</i> From Empty Fruit Branch (EFB) As Environment Friendly Pesticide Shafura Abidi, Nurul Atiqah Iliyani Malekka, Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA)
MOSTI - Grand Award	Tydust: Tyre Dust As A Conductive Polymer For Firecracker Odor Detector Chong Yee Ling, Phua Jin Luen, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, UniMAP	Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi Malaysia (MOSTI)

